

P R E S S R E L E A S E

The Signing of the MOU between the Securities Commission of Malaysia and the Capital Markets Authority of Kenya Nairobi

Address by

Dato' Dr. Mohd. Munir Abdul Majid
Chairman, Securities Commission, Malaysia
on the occasion of the signing of the MOU between
the Securities Commission of Malaysia
and the Capital Markets Authority of Kenya Nairobi

This simple but important ceremony signals a momentous and meaningful step forward in the relationship between our two countries - a relationship which, while clearly being within the framework of South-South cooperation, we are now seeking to develop also in bilateral terms.

The establishment of economic niches in the South countries is expected to be of increasing importance in the foreseeable future. Their populous markets, new opportunities, market liberalisation and improvement in transport and communication have significantly enhanced and facilitated investment and trade activities between these countries, including those between Kenya and Malaysia.

Indeed, with the trend towards globalisation of trade and investment, more and more corporations realise the importance of internationalising their operations. As a result of liberalisation of trade and capital flows, in no small measure attributable to innovation driven by new technology, our financial markets are now very closely linked to global markets. However, many nations, particularly amongst the South countries, are at different stages of development and have different and various sets of requirements. Accordingly, there is undeniably a real and urgent need for the framework of South-South cooperation to operate in a more concrete manner. Countries in the South must not only have the desire, but also the resolve and shall I say, political will, to share whatever knowledge and technical assistance that can be offered.

In this regard, it is noteworthy to acknowledge that one significant by-product of South-South cooperation witnessed thus far is the exchange of know-how and skills amongst South countries as the consequences of increased contacts and higher levels of economic exchange. I am pleased, in this connection to say that the MOU that will be signed today embodies a provision with regard to the exchange of personnel from our two organisations for visits and familiarisation programmes with the commendable objective of better understanding each other's capital markets. That, it is equally heartening to note, will also mark the first occasion that such clause is incorporated in MOUs entered into by the Securities Commission of Malaysia. This MOU, is the fifth to be signed by the Malaysian Securities Commission so far, and rather significantly, the first with a securities regulator of an African country, all previous arrangements were with regulators from the Asia Pacific region. I would keenly hope that this important initiative

P R E S S R E L E A S E

will be taken advantage of and the necessary programmes will be arranged and implemented in the near future.

It has always been the view of the Securities Commission of Malaysia that effective securities regulation and enforcement are imperative to both the integrity of the markets and the protection of investors. Increasing internationalisation of securities markets has created challenges for domestic enforcement agencies. At the same time, in anticipation of the cross-border needs of the investors of our two countries, we, as regulators must also work together to ensure that there are adequate protections for these investments which will certainly take place. In this regard, the terms of the MOU also seek to provide a workable framework for facilitating the exchange of information through agreed procedure which both respects and accommodates the various dissimilarities between our two organisations and our respective domestic securities laws.

The MOU will not only, I believe, enhance friendly ties between our two countries in general, and our two organisations, in particular, but would also, from my Commission's perspective, represent a highly significant precursor of closer relations with other African nations. Quite apart from the bilateral relationship between the Securities Commission of Malaysia and the Kenyan Capital Markets Authority, which formalisation we will witness shortly, I am happy to acknowledge that our two organisations are also already actively involved in the global efforts in harmonising regulation in the securities markets, through our memberships of the International Organisation of Securities Commissions (IOSCO). As the Chairman of the Emerging Markets Committee (EMC) of IOSCO, I must commend your Chief Executive, Mr. Paul Melly, for his unequivocal commitment to the principles of IOSCO as well as his willingness to devote time and resources in enhancing the relationship between securities regulators within the region, well reflected by his inspiring and exemplary leadership of the IOSCO African & Middle-East Regional Committee (AMERC).

I would like to think that our membership of IOSCO Executive Committee, by virtue of our respective chairmanships of the EMC and the AMERC, whose terms will both expire at next year's IOSCO Annual Conference, incidentally to be held in Nairobi, has somewhat contributed to the furtherance and promotion of the interests of the developing world and the development of South-South cooperation in the international arena.

Finally, may I, on behalf of my delegation, express our thanks and our deep and sincere gratitude for your kind hospitality and excellent arrangements made for our short stay in this beautiful country. We look forward to work closely with you in future.

SECURITIES COMMISSION
9 June 1997

P R E S S R E L E A S E

Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) di antara Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dengan Capital Markets Authority of Kenya Nairobi

Ucapan oleh

Dato' Dr Mohd Munir Abdul Majid

Pengerusi, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

di majlis menandatangani

Memorandum Persefahaman (MOU) di antara

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

dengan Capital Markets Authority of Kenya Nairobi,

9 Jun 1997

Majlis ringkas tetapi penting ini menandakan perkembangan bersejarah dan bermakna bagi kedua-dua negara - satu hubungan yang sememangnya dalam rangka kerjasama Selatan-Selatan, yang kita kini berusaha untuk memajukan dari segi hubungan dua hala.

Pewujudan sektor-sektor ekonomi yang khusus di kalangan negara-negara Selatan dijangka menjadi semakin penting dalam jangkamasa yang terdekat. Pasarannya yang mempunyai ramai penduduk, peluang baru, pasaran yang liberal dan sistem pengangkutan serta perhubungan yang lebih baik, telah berjaya meningkatkan dan mempermudah lagi pelaburan dan kegiatan dagangan di antaranya, termasuk di antara Kenya dan Malaysia.

Lebih-lebih lagi dengan aliran ke arah pensejagatan pelaburan dan perdagangan, semakin banyak syarikat mulai sedar dengan kepentingan untuk mensejagatkan operasi mereka. Kesan daripada liberalisasi aliran modal dan dagangan yang sememangnya disebabkan oleh pembaharuan yang banyak didorong oleh teknologi baru, pasaran kewangan kita kini semakin mempunyai hubungan erat dengan pasaran sejagat. Bagaimanapun, banyak negara terutamanya negara-negara Selatan, masih di peringkat perkembangan yang berbeza serta mempunyai pelbagai keperluannya yang tersendiri. Oleh itu, sudah tentunya wujud keperluan yang sebenar dan mendesak untuk membolehkan rangka kerja kerjasama Selatan-Selatan dilaksanakan dengan cara yang lebih konkrit. Negara-negara Selatan bukan hanya perlu memiliki hasrat ke arah itu, malah juga resolusi atau boleh saya nyatakan di sini sebagai kemahuan politik untuk berkongsi apa saja pengetahuan dan bantuan teknikal yang boleh ditawarkan.

Dalam hubungan ini, adalah perlu untuk diakui bahawa satu hasil ketara kerjasama Selatan-Selatan yang disaksikan setakat ini adalah pertukaran pengetahuan dan kemahiran di kalangan negara-negara Selatan hasil daripada peningkatan hubungan dan tahap pertukaran ekonomi yang lebih tinggi. Saya berasa gembira untuk menyatakan bahawa MOU yang akan ditandatangani hari ini memuatkan peruntukan yang berkaitan dengan pertukaran kakitangan daripada kedua-dua organisasi kita untuk diadakan

P R E S S R E L E A S E

program lawatan yang bermatlamat murni iaitu untuk membolehkan kefahaman lebih baik mengenai pasaran modal masing-masing.

Berikutan itu, sukacita dinyatakan bahawa ia juga menandakan kali pertama peruntukan seumpama itu dimuatkan ke dalam MOU yang dimeterai oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. MOU ini, adalah yang kelima dimeterai oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia setakat ini, dan lebih penting, yang pertama dengan pengawalselia sekuriti negara Afrika. Semua perjanjian sebelum ini adalah dengan pengawalselia dari rantau Asia Pasifik. Saya amat berharap usaha penting ini diambil peluang oleh pihak berkenaan dan program-program yang perlu akan diatur serta dilaksanakan pada masa akan datang.

Sudah sentiasa menjadi pandangan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia bahawa kawalselia sekuriti yang berkesan dan penguatkuasaan adalah mustahak kepada keutuhan pasaran dan perlindungan para pelabur. Pasaran sekuriti yang semakin sejagat telah mewujudkan cabaran untuk agensi-agensi penguatkuasaan tempatan. Pada masa yang sama, sebagai persediaan untuk memenuhi keperluan para pelabur kedua-dua negara kita yang akan menjangkau sempadan, kita, sebagai pengawalselia juga mesti bekerjasama untuk memastikan bahawa terdapat perlindungan memadai untuk pelaburan yang sudah pastinya akan menjadi kenyataan ini. Dalam hubungan ini, syarat-syarat MOU ini juga berhasrat memperuntukkan rangka kerja yang wajar bagi mempermudah pertukaran maklumat menerusi prosedur dipersetujui yang mana kedua-dua belah pihak menghormati dan menerima kewujudan pelbagai ketidaksamaan di antara dua organisasi kita dan undang-undang sekuriti tempatan masing-masing.

MOU ini bukan sahaja, saya percaya, memperkukuhkan lagi setiakawan di antara kedua-dua negara kita pada amnya, dan dua organisasi kita pada khususnya, tetapi juga daripada pandangan saya, mewakili langkah pelopor yang ketara bagi hubungan lebih rapat dengan negara-negara Afrika lain. Selain daripada hubungan dua hala di antara Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan pihak Capital Markets Authority of Kenya, yang mana secara rasminya akan kita saksikan sebentar lagi, saya amat gembira untuk menyatakan bahawa kedua-dua organisasi kita juga sudah terbabit secara aktif dalam usaha global bagi mengharmonikan peraturan dalam pasaran sekuriti, menerusi keahlian kita dalam Pertubuhan Antarabangsa Suruhanjaya Sekuriti (IOSCO). Sebagai pengerusi Jawatankuasa Pasaran Baru Muncul (EMC) IOSCO, saya harus memberi pujian kepada Encik Paul Melly, Ketua Eksekutif pihak tuan, di atas komitmennya yang tidak berbelah dalam mendukung dasar IOSCO serta kesediannya mengorbankan masa dan tenaga demi meningkatkan perhubungan di antara pengawalselia sekuriti di rantau ini. Usaha ini pastinya memperlihatkan sikap kepemimpinan yang jitu di kalangan ahli Jawatankuasa Serantau IOSCO Afrika dan Timur Tengah (AMERC).

Saya juga berpendapat keahlian kita dalam Jawatankuasa Eksekutif IOSCO dalam mempengerusikan EMC dan AMERC, yang kedua-duanya akan tamat pada tahun depan, bersempena Persidangan Tahunan IOSCO di Nairobi, banyak membantu melanjutkan

P R E S S R E L E A S E

dan mempromosikan kepentingan negara-negara membangun dan pembangunan kerjasama Selatan-Selatan di peringkat antarabangsa.

Akhir sekali, saya bagi pihak delegasi Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga di atas layanan dan persediaan yang cemerlang untuk pertemuan kami yang singkat di negara yang indah ini. Semoga, kita akan bekerjasama dengan lebih erat lagi pada masa depan.

SECURITIES COMMISSION
9 Jun 1997